



ANALISIS PEKERJAAN
INDUSTRI PEMBERSIHAN



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Department of Skills Development
Ministry of Human Resources, Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Analisis Pekerjaan (OA) adalah satu proses mengenal pasti skop kerja bidang pekerjaan dari segi kompetensi. Ia digunakan untuk menganalisa keperluan industri untuk sumber kompetensi dan kemahiran manusia. Pembangunan Struktur Bidang Pekerjaan adalah satu proses awal dalam membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang relevan. NOSS pula akan dibangunkan untuk digunakan sebagai asas untuk menjalankan latihan kemahiran dan pensijilan tenaga kerja yang kompeten. Dalam usaha untuk menjalankan Analisis Pekerjaan untuk Industri Pembersihan, semua maklumat yang berkaitan dengan industri ini di Malaysia telah dikumpulkan melalui kajian ilmiah dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam sesi bengkel dengan pakar-pakar dari industri. Bengkel-bengkel ini telah diadakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai struktur organisasi, jawatan kerja, objektif hierarki dan aktiviti utama jawatan kerja terbabit.

Berdasarkan data yang dikumpul dan siri perbincangan, panel telah mengenal pasti tujuh (7) sub-sektor utama Industri Pembersihan. Sub-sektor tersebut adalah Pembersihan Awam, Sisa, Pembersihan Pengangkutan, Pembersihan Bangunan, Pembersihan Minyak & Gas, Pembersihan Kawasan Warisan dan Pembersihan Marin & Sungai. Analisis juga telah ditunjukkan sub-set kepada industri pembersihan. Sub-sektor Bahan Buangan juga termasuk di bawah Analisa Pekerjaan Industri Teknologi Hijau. Salah satu daripada bidang pekerjaan di bawah Pembersihan Bangunan adalah Pembersihan Hotel yang turut termasuk di bawah Industri Hospitaliti.

Berdasarkan data yang dikumpul dan siri-siri perbincangan yang telah dilakukan, analisis ini telah mengenal pasti 115 jawatan kerja dan kesemuanya dianggap sebagai kritikal. Jumlah ini mencerminkan keperluan industri serta-merta bagi pekerja mahir di dalam industri pembersihan. Jawatan-jawatan kerja ini telah dikenalpasti dan deskripsinya telah berjaya dibangunkan hasil daripada perundingan dengan panel pakar dari industri.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKASURAT

RINGKASAN EKSEKUTIF	ii
SENARAI GAMBARAJAH	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI SINGKATAN	vii

1. KONSEP ANALISIS PEKERJAAN (OA)

1.1 Pengenalan	1
1.2 Malaysian Occupational Skills Qualification Framework (MOSQF)	3
1.3 Proses pembangunan OA	4
1.4 Deskripsi Pekerjaan (OD)	7
1.5 Jawatan Kerja Kritikal	11

2. LATARBELAKANG INDUSTRI PEMBERSIHAN DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan	12
2.2 Skop Analisa	16
2.3 Definisi Industri Pembersihan	16
2.4 Analisis Semasa dan Permintaan Industri	17
2.5 Pemain-Pemain Utama Industri	18
2.6 Badan Berkanun dan Kawal Selia	21
2.7 Polisi, Akta, Peraturan dan Standard Berkaitan Industri Pembersihan	23
2.8 Gambaran Industri Pembersihan: Singapura, AS & Jepun	26

3. DAPATAN

3.1 Metodologi Keseluruhan Proses Analisis Pekerjaan	35
3.2 Sub-sektor yang Dikenalpasti	38
3.3 Struktur Pekerjaan (OS)	42
3.4 Jawatan Kerja Kritikal untuk Industri Pembersihan	55
3.5 Deskripsi Pekerjaan (OD)	62
3.6 Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)	63
3.7 Industri Sokongan kepada Industri Pembersihan	68

4. PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

4.1 Perbincangan	71
4.2 Kesimpulan	72
4.3 Cadangan	73

RUJUKAN	74
----------------	----

LAMPIRAN**MUKASURAT**

LAMPIRAN 1	Huraian Tahap MOSQF	77
LAMPIRAN 2	Senarai Panel Pakar dan Fasilitator	80
LAMPIRAN 3	Deskripsi Pekerjaan Industri Pembersihan	82
	Sub-Sektor Pembersihan Awam	83
	Sub-Sektor Pembersihan Pengangkutan	136
	Sub-Sektor Pembersihan Bangunan	157
	Sub-Sektor Pembersihan Minyak & Gas	202
	Sub-Sektor Pembersihan Warisan	214
	Sub-Sektor Pembersihan Marin & Sungai	231

SENARAI GAMBARAJAH

GAMBARAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Gambarajah 1.0	Model Berasaskan Kompetensi untuk Latihan Kemahiran di Malaysia	1
Gambarajah 2.0	Carta Aliran Proses Pembangunan OA	6
Gambarajah 3.0	Contoh Pengenalpastian Objek	8
Gambarajah 4.0	Contoh Deskripsi Pekerjaan	10
Gambarajah 5.0	Pemusatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Industri Pembersihan	15

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 1.0	Contoh OS Kaunter Hadapan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan	2
Jadual 2.0	Contoh OAS Kaunter Hadapan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan	2
Jadual 3.0	Struktur Pekerjaan Industri Pembersihan	43
Jadual 4.0	Ringkasan Jawatan Kerja	51
Jadual 5.0	Senarai Jawatan Kerja Kritikal	56
Jadual 6.0	Ringkasan Jawatan Kerja Kritikal	61
Jadual 7.0	Struktur Bidang Pekerjaan Industri Pembersihan	67
Jadual 8.0	Industri Sokongan kepada Industri Pembersihan	68


SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	DEFINISI
CIMS	Cleaning Industry Management Standard
DOE	Department of Environment
DOSH	Department of Occupational Safety and Health
ETP	Economic Transformation Programme
GLCs	Government Linked Companies
GNI	Gross National Income
ICT	Information & Communication Technology
IETS	Industrial Effluent Treatment System
IICRC	Institute of Inspection, Cleaning and Restoration Certification
ISSA	International Sanitary Supply Association
JBMA	Japan Building Maintenance Association
MACC	Malaysian Association of Cleaning Contractors
MARDEP	Marine Department of Malaysia
MNCs	Multi-National Corporations
NGOs	Non-Governmental Organisations
NOSS	National Occupational Skills Standard
OA	Occupational Analysis
OAA	Occupational Area Analysis
OAS	Occupational Area Structure
OS	Occupational Structure
OSRE	Oil Spill Response Equipment
PPE	Personal Protective Equipment
SMEs	Small & Medium Enterprises
SOP	Standard Operating Procedure
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

1. KONSEP ANALISIS PEKERJAAN (OA)

1.1 Pengenalan

Analisis Pekerjaan (OA) adalah satu proses yang digunakan untuk mengenal pasti jawatan kerja dan tahap bagi pekerja mahir yang diperlukan dalam sektor industri. Ia adalah peringkat awal bagi pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) di mana jawatan kerja yang telah dikenal pasti akan digunakan sebagai rujukan asas. Ia memerlukan input daripada semua pihak terutama pemain industri, badan-badan berkanun dan institusi latihan. Gambarajah 1.0 menunjukkan kepentingan OA bagi NOSS dan pembangunan dasar untuk latihan kemahiran di Malaysia.



Gambarajah 1.0: Model Berasaskan Kompetensi untuk Latihan Kemahiran di Malaysia

OA akan mengenal pasti sektor, sub-sektor, bidang pekerjaan, tajuk pekerjaan bagi sesuatu industri tertentu dalam bentuk Struktur Pekerjaan (OS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0. Setiap tajuk pekerjaan dalam OS tersebut akan

diperincikan tugasannya dalam Deskripsi Pekerjaan (OD). Tajuk pekerjaan tersebut dikenal pasti mengikut tahap yang ditakrifkan di dalam Kerangka Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF) (rujuk Lampiran 1).

Jadual 1.0: Contoh OS Kaunter Hadapan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan

SUB-SEKTOR	KAUNTER HADAPAN				
TAHAP/BIDANG	PERKHIDMATAN TETAMU	TAHAP/BIDANG	PERKHIDMATAN TETAMU	TAHAP/BIDANG	PERKHIDMATAN TETAMU
TAHAP 5	Pengurus Kaunter Hadapan				
TAHAP 4	Penolong Pengurus Kaunter Hadapan			Pengurus Concierge	Pengurus Penempahan
TAHAP 3	Pegawai Perkhidmatan Tetamu	Penyelia Telefonis	Penyelia Kaunter Hadapan	Penyelia Porter	Pegawai Penempahan
TAHAP 2	Pembantu Perkhidmatan Tetamu	Telefonis	Pembantu Kaunter Hadapan	Ketua Porter	Kerani Penempahan
TAHAP 1	Tiada Tahap			Penjaga Pintu	Tiada Tahap

OS boleh terus dianalisa untuk menghasilkan Struktur Bidang Pekerjaan (OAS) melalui Analisis Bidang Pekerjaan (OAA). Objektif OAA adalah untuk mengenal pasti bidang-bidang yang mempunyai kompetensi yang sama antara jawatan kerja. Hasil OAA adalah penggabungan jawatan kerja/bidang (melintang) dan/atau tahap (menegak) dalam sesebuah sektor. Ini akhirnya akan menyebabkan pelbagai kemahiran dan pelbagai tugas disebabkan oleh kompetensi serupa di kalangan jawatan kerja/bidang dan/atau tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.0.

Jadual 2.0: Contoh OAS Kaunter Hadapan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan

SUB-SEKTOR	KAUNTER HADAPAN				
TAHAP/BIDANG	PERKHIDMATAN TETAMU	OPERASI TELEFON	BANTUAN KAUNTER HADAPAN	CONCIERGE	TEMPAHAN
TAHAP 5	Pengurusan Perkhidmatan Tetamu				
TAHAP 4	Pengurusan Perkhidmatan Tetamu				
TAHAP 3	Operasi Perkhidmatan Tetamu				
TAHAP 2					
TAHAP 1					

Semua jawatan kerja di Tahap 1, 2 dan 3 diisi oleh mereka yang berurusan secara langsung dengan pelanggan. Oleh itu, mereka mempunyai kompetensi yang serupa yang boleh digabungkan ke dalam bidang operasi perkhidmatan tetamu.

Akhirnya, kita dapat menghasilkan pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran dan mampu melakukan pelbagai tugas yang diperlukan oleh industri sejajar dengan dasar ekonomi berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, kerana keperluan industri atau peraturan, penggabungan tidak semestinya diperlukan.

1.2 Kerangka Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)

Pembangunan OA dipantau agar ianya mematuhi MOSQF. MOSQF adalah kerangka yang menerangkan semua kelayakan kemahiran yang dianugerahkan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia. Ia adalah satu kerangka 8-peringkat terdiri daripada 8 tahap yang mencerminkan kemahiran dan kecekapan dalam bidang pekerjaan (rujuk Lampiran 1). Walau bagaimanapun, untuk tujuan latihan, hanya 5 tahap pertama ditawarkan dengan kemahiran kelayakan, iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, SKM Tahap 2, SKM Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

MOSQF akan berfungsi sebagai instrumen yang membangun dan mengklasifikasikan kelayakan kemahiran berdasarkan satu set kriteria yang dipandu oleh Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652). Ia telah ditanda aras terhadap amalan antarabangsa yang baik dalam menentukan penerangan tahapnya dan telah dibangunkan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Ia bersedia untuk menjadi kerangka kemahiran kebangsaan bagi semua pihak berkepentingan seperti individu, penyedia latihan kemahiran, Kerajaan, persatuan-persatuan, badan-badan profesional, sektor industri dan orang awam.

1.3 Proses Pembangunan OA

Berikut adalah langkah-langkah utama yang terlibat dalam OA:

(i) Pengumpulan maklumat peringkat awal

(i) Kajian Ilmiah

Satu kajian ilmiah dijalankan untuk mendapatkan beberapa pandangan mengenai skop, polisi, program dan aktiviti dalam konteks Malaysia. Skop di bawah kajian ini merangkumi keterangan, analisis semasa sektor/sub-sektor, status terkini industri terbabit, keperluan pekerja mahir dalam sektor tempatan dan persaingan industri di peringkat antarabangsa.

(ii) Kaji Selidik/Soal Selidik

Tujuan kajian ini adalah untuk mengumpul data dan maklum balas daripada industri mengenai bekalan dan permintaan tenaga kerja mahir, skop kerja, jenis kerja, deskripsi pekerjaan, struktur pekerjaan, laluan kerjaya serta trend semasa dan masa depan industri.

(iii) Temu bual

Temu bual adalah salah satu kaedah untuk mengukuhkan maklumat yang dikumpulkan. Temu bual ini memberi tumpuan kepada pemain industri dan pihak berkepentingan utama untuk mendapatkan pendapat dan/atau pandangan mereka.

(ii) Mengenal pasti pakar industri

Pakar-pakar industri yang mewakili industri kecil, sederhana dan besar dikenal pasti dan disenarai pendek untuk tujuan perbincangan selanjutnya. Lazimnya, pakar-pakar ini adalah dari jabatan sumber manusia atau pihak pengurusan yang mempunyai pandangan menyeluruh tentang tenaga kerja mahir dalam industri. Mereka mempunyai pengalaman yang mencukupi serta pengetahuan yang luas tentang pertumbuhan industri.

(iii) Sesi *Brainstorming*

Teknik *Developing a Curriculum* (DACUM) biasanya digunakan dalam pembangunan OA. Sesi ini dihadiri oleh pakar-pakar industri dan mereka akan berbincang secara mendalam mengenai sub-sektor dan bidang yang terlibat. Fakta-fakta yang diperolehi semasa kajian ilmiah akan dibincangkan dan dikemukakan kepada pakar-pakar industri.

(iv) Menganalisa maklumat

Berdasarkan aktiviti yang dilakukan di atas, data dan maklumat akan dikumpul. Data dan maklumat ini akan dibincangkan dan dianalisa di dalam bengkel pembangunan yang dihadiri oleh pakar-pakar dari sektor awam dan swasta. Kehadiran pakar-pakar ini akan memastikan bahawa pembangunan Analisis Pekerjaan adalah relevan dan terkini.

Semasa sesi ini, industri yang terbabit akan dianalisa menggunakan DACUM dan kaedah *brainstorming* untuk mengenal pasti perkara-perkara berikut:


- (a) Skop industri dan sub-sektor;
- (b) Bidang-bidang utama;
- (c) Kumpulan pekerjaan sektor terbabit;
- (d) Jawatan pekerjaan
- (e) Jawatan kerja kritikal;
- (f) Struktur hierarki (Tahap 1 - 8); dan
- (g) Deskripsi pekerjaan.

(v) Melengkapkan Dokumentasi OA

Perbincangan susulan dengan pakar-pakar industri dan pembaca pruf dalam kumpulan kecil adalah penting untuk memastikan semua penemuan di dalam analisis pekerjaan adalah sah, boleh dipercayai dan mencukupi.

Laporan akhir OA juga mesti dimuatkan dengan perbincangan, kesimpulan dan cadangan untuk membimbing pembaca umum dan pihak yang berminat untuk memahami senario tenaga kerja mahir dalam industri.

Butiran aliran proses dalam membangunkan OA adalah seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2.0.



Gambarajah 2.0: Carta Aliran Proses Pembangunan OA

1.4 Deskripsi Pekerjaan (OD)

Deskripsi Pekerjaan (OD) adalah penerangan terperinci tentang skop kerja utama sesuatu jawatan kerja. Berikut adalah langkah-langkah utama dalam menghasilkan OD bagi tajuk pekerjaan masing-masing:


- (i) menentukan sub-sektor utama dan bidang di dalam sektor;
- (ii) mengenalpasti jawatan-jawatan kerja; dan
- (iii) mengenalpasti skop kerja.

Untuk menggambarkan OD dengan lebih jelas, kenyataan itu mesti terdiri Kata Kerja (*Verb*), Objek (*Object*) dan Pelengkap (*Qualifier*). Rasional disebalik menentukan sifat-sifat deskripsi adalah untuk memudahkan pembangunan NOSS terutamanya di dalam analisis pekerjaan dan kompetensi.


a) Objek (*Object*)

Objek ditentukan terlebih dahulu sebelum Kata Kerja dan Pelengkap. Ia adalah penentu utama untuk membezakan antara satu pekerjaan dengan yang lain. Sebagai contoh, seorang *demi-chef* (sub-sektor dapur dalam industri perhotelan), berurusan dengan makanan dan peralatan memasak sebagai objek dalam melaksanakan tugas. Sementara seorang penggaya rambut berurusan dengan rambut pelanggan, bahan kimia pengayaan rambut dan sebagainya.

Objek diperolehi dari panel pakar semasa sesi percambahan minda dan ditulis di atas kad DACUM supaya semua ahli panel pakar dapat melihat objek yang dikenalpasti. Objektif bidang-bidang atau sub-sektor yang berkaitan ditentukan seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 3.0.



Petunjuk:



: **Sektor/Sub-sektor/Bidang/Sub-bidang**



: **Objek**

Gambarajah 3.0: Contoh Pengenalpastian Objek

b) Kata Kerja (*Verb*)

Kata kerja kemudian ditentukan berdasarkan tahap kesukaran jawatan kerja yang telah dikenalpasti, seperti yang berikut:

- **Objek:** *Aktiviti penyelenggaraan*
- **Kata Kerja untuk Tahap 3:** *Menjalankan*
- **Kata Kerja untuk Tahap 4:** *Membantu dalam merancang*
- **Kata Kerja untuk Tahap 5:** *Merancang*

Oleh itu, isi kandungan deskripsi pekerjaan adalah seperti berikut:

- Perancang Rangkaian Akses Radio (Tahap 5)
 - ✓ ***Merancang aktiviti penyelenggaraan + (pelengkap)***
- Penolong Perancang Rangkaian Akses Radio (Tahap 4)
 - ✓ ***Membantu dalam merancang aktiviti penyelenggaraan + (pelengkap)***
- Juruteknik Rangkaian Akses (Tahap 3)
 - ✓ ***Menjalankan aktiviti penyelenggaraan + (pelengkap)***

c) Pelengkap (Qualifier)

Berdasarkan contoh di atas, kenyataan tersebut tidak jelas kerana tiada pelengkap untuk objek, oleh kerana itu pelengkap perlu ditambah untuk melengkapkan kenyataan itu. Contoh adalah seperti berikut:

- ***Merancang aktiviti penyelenggaraan untuk Kilang Kenderaan Penumpang***

Gambarajah 4.0 menunjukkan satu contoh bagaimana untuk menulis Deskripsi Pekerjaan (OD) yang sempurna.



PEMASANGAN & PENYELENGGARAAN
PENOLONG JURUTERA PERKHIDMATAN TRANSMISI*
TAHAP 4

Penolong Jurutera Perkhidmatan Transmisi ditugaskan untuk melaksanakan kerja pemasangan perkhidmatan transmisi, melakukan perancangan ujian (ujian regresi, ujian percirian baru, penerimaan nod baru atau alat gentian), mengendali perubahan dalam rangkaian langsung, mengoperasi & menyelenggara rangkaian transmisi, melakukan pemulihan rangkaian transmisi dan melaksanakan penambahbaikan kepada prestasi rangkaian transmisi.

Penolong Jurutera Perkhidmatan Transmisi berkebolehan untuk:

1. Melakukan pemasangan perkhidmatan transmisi;
2. Menambahbaikan fungsi rangkaian untuk kepuasan pelanggan;
3. Melaksanakan rancangan ujian perform test plans ujian (ujian regresi, ujian percirian baru, penerimaan nod baru atau alat gentian);
4. mengendali perubahan dalam rangkaian langsung, termasuk definisi *command lines* berdasarkan perancangan, konsolidasi, prestasi dan ulasan kepada perubahan;
5. menyediakan laporan prestasi sebenar rangkaian;
6. mengoperasi & menyelenggara rangkaian transmisi; dan
7. melakukan pemulihan rangkaian transmisi dan melaksanakan penambahbaikan kepada prestasi rangkaian transmisi.

Nota:

* Jawatan Kerja Kritikal

Gambarajah 4.0: Contoh Deskripsi Pekerjaan

1.5 Jawatan Kerja Kritikal

Jawatan Kerja Kritikal boleh ditakrifkan berdasarkan empat senario utama berikut:

- a) kekurangan bekalan pekerja mahir dalam industri;
- b) permintaan yang tinggi untuk pekerja mahir dalam bidang khusus tertentu;
- c) ketidaksepadanan latihan kemahiran; dan
- d) pengurangan dalam bilangan pekerja mahir dalam bidang-bidang tertentu seperti aktiviti berkaitan warisan dan budaya.

Jawatan kerja kritikal yang dikenal pasti hendaklah dikategorikan ke dalam Jangka Pendek (1-3 tahun) dan Sederhana (4-5 tahun) seperti pada Jadual 5.0.

2. LATARBELAKANG INDUSTRI PEMBERSIHAN DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Menurut laporan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia, kira-kira 300 aduan telah diterima daripada pelancong antarabangsa, kebanyakannya mengenai tahap kebersihan yang tidak memuaskan di kedai-kedai makanan, pasar, tandas dan taman berbukit, termasuk taman negara. Isu ini mula menjejaskan kedatangan pelancong dan perlu ditangani sebelum imej negara terus terjejas. Tidak kira berapa banyak kempen kebersihan yang dianjurkan seperti Malaysia Bersih, Kempen *Beautiful Malaysia*, Malaysia Bersih dan Malaysia Indah, tahap kesedaran tentang kebersihan awam rakyat Malaysia masih rendah (Bernama, 2010).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mungkin perlu untuk mendapatkan bantuan kementerian lain, seperti Kementerian Kesihatan, Pendidikan dan Pelancongan, untuk mendapatkan usaha bersepadu yang berterusan. Kerjasama ini akan membantu dalam meningkatkan penguatkuasaan dasar dan undang-undang mengenai kebersihan dan persekitaran.

Industri pembersihan menyediakan perkhidmatan kritikal untuk individu dan usahaniaga komersial. Ia memerlukan kesungguhan, profesionalisme dan kesedaran tentang teknologi dan maklumat.

Industri pembersihan adalah sektor yang sentiasa pesat berkembang. Isu utama bagi industri pembersihan adalah peningkatan imej sektor itu, penambahbaikan industri dan penciptaan perspektif kerjaya untuk pekerja dalam sektor ini, pembangunan pekerja mahir dan keselamatan & kesihatan di tempat kerja.

Syarikat perkhidmatan pembersihan kini harus menyesuaikan diri dengan keperluan pelanggan yang telah berubah dalam menghadapi kesukaran ekonomi. Industri ini perlu bertindakbalas kepada keperluan asas masyarakat seperti kebersihan. Ia mewakili, dari segi ekonomi dan sosial, salah satu sektor perkhidmatan korporat yang paling dinamik.

Industri pembersihan terus bergerak ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih global dan bersepadu. Ini semakin memaksa syarikat-syarikat pembersihan untuk menawarkan pengurusan kemudahan pelanggan mereka dan perkhidmatan sokongan dan bukan hanya perkhidmatan pembersihan yang ringkas, terutamanya kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Trend ini menyebabkan tekanan untuk menawarkan perkhidmatan pembersihan yang lebih khusus semakin meningkat.

Perkhidmatan Perniagaan menjadi pemangkin dalam transformasi Malaysia kepada ekonomi pengetahuan. Walaupun sumbangannya kini kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) agak kecil, iaitu sebanyak RM19.5 Bilion pada tahun 2009, sektor perkhidmatan perniagaan mempunyai peranan yang unik di dalam memacu daya saing pelbagai industri dengan menawarkan perkhidmatan bertaraf dunia yang seterusnya membantu memperkasakan industri-industri ini (PEMANDU, 2010).

Pengurusan Pembersihan

Pengurusan perkhidmatan pembersihan tidak hanya meliputi permukaan lantai sahaja tetapi juga unsur-unsur tiga dimensi, seperti dinding, pintu, lekapan dan kelengkapan pejabat. Ianya direka untuk mengekalkan keseimbangan antara penampilan yang baik dan sanitasi yang betul mengikut ciri-ciri istimewa setiap bilik.

Kaedah asas pengurusan pembersihan baru-baru ini telah berkembang dari "selepas pembersihan" kepada "pembersihan pencegahan". Ini melibatkan penggunaan rawatan sebelum kotoran berkumpul dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kotoran dari memasuki bangunan dalam usaha untuk mengekalkan penampilan yang baik dan sanitasi yang sempurna. "Kaedah kering" yang mengelakkan penggunaan cecair mungkin kaedah pembersihan yang paling sesuai untuk bangunan kontemporari (Hart, 2011).

Pengurusan perkhidmatan pembersihan hari ini memerlukan lebih daripada sekadar kerja pembersihan yang asas, ia memerlukan pengetahuan profesional dan kemahiran pengurusan.

Teknologi Hijau yang Berkaitan dengan Pembersihan Hijau

Isu-isu global mengenai alam sekitar, seperti perubahan iklim dan pembasmian hutan, kini adalah cabaran baru bagi penduduk dunia. Banyak negara sedang berusaha untuk menjadi sebuah masyarakat yang prihatin terhadap tahap pelepasan karbon melalui pertumbuhan hijau yang dicapai melalui teknologi hijau dan industri hijau yang boleh memelihara ekologi sambil meminimumkan kesan alam sekitar yang buruk.

Teknologi Hijau adalah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan dan sistem yang digunakan untuk memulihara alam sekitar dan sumber yang dapat mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Pembersihan Hijau adalah ditakrifkan sebagai pembersihan untuk melindungi kesihatan tanpa merosakkan alam sekitar dan ia tidak hanya terbatas kepada jenis bahan kimia dan peralatan yang digunakan. Ia merangkumi dasar, prosedur, latihan dan usaha tanggungjawab bersama yang meminimumkan kesan bahan-bahan pembersihan ke atas kesihatan penghuni bangunan dan melindungi alam sekitar secara keseluruhannya (Silverstein, 2008).


“Revolusi” hijau ini kini menjadi suatu strategi perniagaan yang semakin menarik dan relevan. Masyarakat dunia kini semakin prihatin dengan keadaan dunia yang semakin tercemar dan sumber-sumber asli yang semakin berkurangan. Justeru, amalan industri hijau bukan sahaja mendapat sokongan sentimen awam dan kesan negatif karbon yang lebih rendah, tetapi ia juga mampu menjimatkan kos, dasar-dasar kerajaan yang menyokong teknologi hijau dan juga keuntungan yang semakin meningkat (Bradshaw & Solistro, 2011). Perkembangan semasa di dalam penggunaan, dasar kerajaan dan kos semuanya mengarah kepada peluang industri hijau yang lebih besar pada tahun-tahun mendatang.

Pemusatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan akan melengkapkan usaha penyusunan semula dalam sektor ini dengan memusatkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan penguatkuasaan penuh Akta Sisa Pepejal dan Pengurusan Pembersihan Awam 2007. Di bawah usaha ini, tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan beralih daripada pihak berkuasa tempatan kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Hasil utama usaha ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 5.0 dan ia merangkumi usaha untuk:

- menyediakan sokongan kepada pihak berkuasa tempatan;
- menyampaikan perkhidmatan kebersihan yang komprehensif; dan
- memastikan yang sisa diuruskan secara mampan.



Gambarajah 5.0: Pemusatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Fungsi Pembersihan Awam untuk Memacu Hasil yang Lebih Baik untuk Orang Awam dan Alam Sekitar (Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

2.2 Skop Analisa

Industri pembersihan adalah sektor yang besar yang melibatkan pelbagai aktiviti pembersihan. Skop analisis yang telah dijalankan dan dibentangkan dalam dokumen ini adalah skop utama kerja yang ditakrifkan dalam sektor Industri Pembersihan di Malaysia.

Oleh kerana tiada badan kawal selia rasmi untuk memantau dan mengawal selia industri ini, maklumat yang tepat tentang industri ini adalah sangat terhad.

2.3 Definisi Industri Pembersihan

Operator pembersihan adalah seorang pekerja industri atau domestik yang membersihkan rumah atau pejabat untuk mendapatkan pembayaran. Berbeza dengan pekerja lain, tugas utama mereka adalah menjalankan aktiviti pembersihan. **Operator pembersihan** mungkin pakar dalam pembersihan dalaman dan luaran objek atau tempat tertentu. **Operator pembersihan** sering bekerja apabila orang-orang yang lazimnya menduduki sesuatu ruang tersebut tidak berada di situ. Mereka boleh membersihkan pejabat pada waktu malam atau rumah semasa hari kerja (Berry, 2008).

Operator pembersihan yang memakai pakaian seragam yang kemas dan professional dapat menaikkan bukan sahaja peribadi mereka sendiri diri, tetapi imej syarikat mereka dan industri secara keseluruhan. Adalah sangat penting untuk semua orang di dalam organisasi ini, daripada kakitangan pembersihan barisan hadapan kepada pengurusan kanan, berusaha untuk terus meningkatkan pengetahuan mereka dan meningkatkan kemahiran mereka. Ini bermakna latihan yang komprehensif di peringkat asas dan lanjutan, menggunakan pelbagai teknik pembelajaran, sangat diperlukan. Pembersihan adalah proses sistematik yang meletakkan entiti yang tidak diperlukan di tempat yang betul untuk mencapai keadaan bersih.

Kebersihan adalah satu keadaan alam sekitar yang bebas daripada perkara yang tidak diingini seperti pepejal, cecair, gas, atau organisma hidup yang mempunyai potensi untuk menyebabkan kesan kesihatan yang buruk. Pembersihan adalah bentuk yang paling asas di dalam pengurusan alam sekitar. Ia adalah proses asas yang digunakan untuk menyimpan bahan-bahan hidup dan bukan hidup dalam persekitaran pada tahap risiko yang boleh diterima untuk melindungi kesihatan dan meningkatkan atau membolehkan aktiviti manusia (Berry, 2008).

Industri pembersihan ditakrifkan sebagai entiti di dalam industri pembersihan bahagian dalaman bangunan, bahagian dalaman peralatan pengangkutan (misalnya kereta pesawat, kereta api dan kapal-kapal) dan tingkap (Silverstein, et al, 2008). Aktiviti industri merangkumi kontrak perkhidmatan pembersihan bagi pengendalian buangan, pembersihan awam, pembersihan pembinaan, pembersihan pengangkutan, pembersihan industri, pembersihan warisan serta pembersihan marin dan sungai.

2.4 Status Semasa dan Unjuran Permintaan & Bekalan Industri Tempatan

Industri pembersihan telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada sub-sektor dalam Sektor Perkhidmatan yang harus dianggap sebagai industri yang semakin berkembang dan berupaya untuk menjana pendapatan yang baik. Menurut rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), perolehan keseluruhan syarikat pembersihan di Malaysia adalah sebanyak RM1.5 bilion. Selebihnya adalah dari syarikat swasta dan perkongsian. Dengan andaian konservatif, 30 peratus daripada syarikat swasta perkongsian dan boleh dianggap aktif, nilai perolehan syarikat adalah sebanyak RM2.6 bilion (berdasarkan purata 86 pekerja setiap syarikat), nilai kontrak menyumbang RM14,400 setiap setahun bagi setiap pekerja dan jumlah syarikat adalah 2,100. Jumlah nilai perolehan keseluruhan syarikat pembersihan dianggarkan pada RM4.1 bilion (KPDNKK, 2008).

Bilangan pekerja dalam industri pembersihan boleh dianggarkan berdasarkan nilai perolehan syarikat pembersihan dibahagikan dengan produktiviti purata pekerja pembersihan berjumlah RM14,400 setahun. Dengan anggaran perolehan sektor ini berjumlah RM4.1 bilion, bilangan pekerja sektor ini adalah sekitar 284,000 kakitangan. Walau bagaimanapun, dianggarkan bahawa lebih daripada satu pertiga daripada mereka adalah pekerja asing (KPDNKK, 2008).

2.5 Pemain Industri Utama

Pemain utama industri pembersihan di Malaysia adalah konsesi bagi pengurusan sisa pepejal dan kebersihan awam di bawah Kerajaan Persekutuan. Konsesi untuk pengurusan sisa pepejal, kebersihan awam dan bangunan disenaraikan seperti berikut:

i. Alam Flora Sdn. Bhd.

Alam Flora Sdn. Bhd. adalah sebuah organisasi komersial yang terlibat dalam Pengurusan Sisa Pepejal dan perniagaan pelupusan. Syarikat ini telah ditubuhkan pada bulan Disember 1995, selepas dianugerahkan konsesi oleh Kerajaan untuk menswastakan Pengurusan Sisa Pepejal (SWM) bagi Wilayah Tengah dan Timur.

ii. SWM Environment Sdn. Bhd.

SWM Environment (SWM) dahulunya dikenali sebagai Southern Waste Management Sdn. Bhd. telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Kerajaan Malaysia pada Penswastakan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Ia kemudiannya dianugerahkan tugas menguruskan penyimpanan, pengumpulan, pemindahan dan pengangkutan, pemprosesan pertengahan dan pemprosesan sisa pepejal di Wilayah Selatan Semenanjung Malaysia oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada 21 Disember, 1995.

Pada bulan April 1996, SWM telah diarahkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam kawasan konsesi SWM secara interim. Sejak tahun 1997, SWM telah mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara beransur-ansur dari kawasan konsesi. Konsesi ini meliputi tempoh 20 tahun dan menyedaikan perkhidmatan kepada 4 juta orang penduduk.

iii. Environment Idaman Sdn. Bhd.

Environment Idaman Sdn. Bhd. (ENVI) adalah sebuah syarikat konsesi yang dilantik oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meningkatkan kualiti sisa pepejal dan pembersihan awam dan memberi kepuasan yang lebih baik kepada pengguna di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Mandat yang telah diberikan oleh Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) membolehkan ENVI untuk melaksanakan sisa pepejal dan aktiviti pembersihan awam dalam cara yang bersepadu dan berkesan.

iv. Radicare (M) Sdn. Bhd.

Ditubuhkan pada tahun 1994, Radicare merupakan pakar pembekal perkhidmatan sokongan klinikal dan bukan klinikal yang komprehensif. Komitmen Radicare adalah untuk mewujudkan persekitaran yang terbaik di hospital-hospital dan institusi perubatan agar pakar penjagaan kesihatan dapat memberikan tumpuan kepada penjagaan pesakit.

Sebagai pembekal perkhidmatan sokongan klinikal dan bukan klinikal, Radicare adalah komited untuk memastikan kejayaan program penjagaan pesakit hospital yang menyeluruh. Selaras

dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada orang awam, Radicare bertujuan untuk menjadi rakan kongsi penjagaan kesihatan proaktif kepada hospital dan berusaha untuk kekal bertanggungjawab kepada masyarakat secara am.

v. Pantai Medivest Sdn. Bhd.

Pantai Medivest Sdn. Bhd. telah mula-mula ditubuhkan sebagai penyedia perkhidmatan sokongan kepada hospital kerajaan dan pusat penjagaan kesihatan di selatan Semenanjung Malaysia. Pantai Medivest menyediakan penyelesaian penjagaan kesihatan untuk pelbagai pertubuhan seperti hospital, kilang-kilang, agensi kerajaan, hotel dan lain-lain organisai komersial.

Misi Pantai Medivest adalah untuk:

- menjadi peneraju yang diiktiraf dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti di dalam:
 - Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal
 - Pengurusan Perkhidmatan Linen dan Dobi
 - Pengurusan Perkhidmatan Kejuruteraan Fasiliti
 - Pengurusan Perkhidmatan Kejuruteraan Bioperubatan
 - Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan;
- sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam memenuhi kepuasan pelanggan melalui pekerja-pekerja yang boleh dipercayai, bermotivasi, komited dan produktif yang dilengkapi dengan sumber-sumber yang perlu;
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab menyumbang kepada persekitaran yang bersih, selamat dan sihat; dan

- mencapai kecemerlangan dalam usaha untuk memenuhi harapan pihak-pihak yang berkepentingan.

vi. AWC Berhad

AWC Berhad, sebuah syarikat yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia, adalah pembekal terkemuka bagi perkhidmatan kejuruteraan dan penyelesaian pengurusan fasiliti bersepadu di Malaysia dan berkembang pesat di Singapura dan Timur Tengah. AWC Berhad mempunyai empat bahagian utama, iaitu Fasiliti, Kejuruteraan, Teknologi dan Alam Sekitar. Projek-projek pembersihan adalah dikendalikan oleh bahagian Fasiliti yang mempunyai beberapa anak syarikat di bawahnya iaitu Ambang Wira Sdn. Bhd., AW Facility Management Sdn. Bhd. dan Perkhidmatan Alam Sekitar & Landskap Sdn. Bhd. AWC Berhad menekankan proses dan teknologi baru untuk menawarkan kecekapan dan penjimatan kos untuk pemilik bangunan. AWC menyediakan pelanggan dengan pelbagai perkhidmatan yang merangkumi perancangan, perundingan, pelaksanaan, pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti yang komprehensif.

2.6 Badan Berkanun & Kawal Selia

Terdapat beberapa agensi dan jabatan yang terlibat dalam mengawal selia aktiviti pembersihan melalui Akta yang berkaitan. Agensi-agensi ini termasuk pihak berkuasa tempatan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS)

i. Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang boleh memastikan bahawa aktiviti

pembersihan di kawasan masing-masing dilakukan dengan selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Aktiviti pengawalseliaan oleh pihak berkuasa tempatan dilakukan dengan cara yang proaktif dan reaktif. Pemantauan kawal selia dilakukan melalui rondaan proaktif. Walau bagaimanapun, rondaan oleh kebanyakan penguasa tempatan adalah terhad disebabkan kekurangan kakitangan. Semasa rondaan ini, jika terdapat aktiviti pembersihan yang melanggar akta dan peraturan, tindakan akan diambil sebagaimana yang diperuntukkan. Pendekatan reaktif melibatkan penyiasatan dan selepas aduan dikemukakan oleh orang awam.

ii. **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**

Jabatan Alam Sekitar terlibat dalam peraturan pelupusan sisa yang dikumpul atau dihasilkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Pemantauan yang dilakukan ke atas aktiviti pembakaran terbuka dan tapak pelupusan sisa dan pelupusan sisa terjadual kilang.

Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Kebangsaan (NOSCP)

NOSCP adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Kawalan Tumpahan Minyak Kebangsaan (NOSCC) yang terdiri daripada 18 jabatan dan agensi-agensi ahli dan dipengerusikan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) serta dibantu oleh Jabatan Laut Malaysia (MARDEP). Selain daripada penubuhan pengkalan *Oil Spill Response Equipment* (OSRE) yang strategik di seluruh Pantai Timur dan Barat negara, JAS memberi penekanan yang sama pada aktiviti latihan berjadual dan berkala untuk kakitangan yang terlibat dalam *Oil Spill Response* (OSR).

Latihan OSR adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia,

Jabatan Perikanan Malaysia, Polis Marin dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani tumpahan minyak.

Resolusi 7 Konvensyen Antarabangsa pada *Oil Spill Preparedness and Response* (OPRC) 1990 memperuntukkan komitmen antarabangsa untuk latihan dan persediaan. Keperluan persediaan dan latihan ini telah dimasukkan ke dalam sistem tindak balas NOSCP (Jabatan Alam Sekitar, 2010).

iii. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah badan yang bertanggungjawab bagi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967. Kawasan di bawah pengawasan JKKP adalah penggunaan bahan kimia dan jentera. Walau bagaimanapun, tumpuan lebih diberikan kepada pemilik dan pengguna akhir. JKKP juga berdepan dengan masalah kekurangan kakitangan dan kebergantungan terhadap laporan atau aduan untuk mengambil tindakan.

2.7 Polisi, Akta, Peraturan dan Standard Berkaitan

Berbanding dengan kebanyakan industri lain, tiada peraturan khusus yang berkaitan daripada pihak berkuasa berkenaan industri ini. Tiada ukuran dan spesifikasi standard dan ini mengakibatkan penentuan tahap prestasi pembersihan dilakukan sewenang-wenangnya. Penilaian tawaran bagi kontrak pembersihan adalah tidak konsisten. Dalam persaingan untuk tender, terutamanya dari pihak kerajaan, usahawan kecil akan mengupah kakitangan yang bersedia untuk menerima gaji yang lebih rendah seperti pekerja asing tanpa izin (pendatang haram) dan tidak mengambil pekerja mahir.

Walaupun bagaimanapun, terdapat akta dan peraturan yang relevan dan perlu dipatuhi oleh pembekal perkhidmatan pembersihan. Walaupun industri ini tidak dikawal selia

oleh mana-mana perbuatan atau peraturan, penyedia perkhidmatan pembersihan masih tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan enakmen seperti:

i. Akta Pekerjaan 1955 (Pindaan 1981)

Akta Pekerjaan menetapkan peraturan dan syarat-syarat hubungan antara pekerja dan majikan di sektor swasta. Oleh kerana hampir semua penyedia perkhidmatan pembersihan mempunyai kakitangan, keseluruhan akta ini secara langsung dikaitkan dengan pembekal perkhidmatan pembersihan dan tidak berkaitan secara langsung dengan industri pembersihan.

ii. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Akta Keselamatan Sosial adalah satu akta yang mengadakan peruntukan bagi keselamatan sosial dalam kontingensi yang tertentu, luar jangkaan dan bagi membuat peruntukan mengenai beberapa perkara lain yang berkaitan dengannya. Akta ini adalah secara langsung berkaitan dengan pembekal perkhidmatan pembersihan kerana akta ini merangkumi semua perusahaan yang mempunyai seorang pekerja atau lebih.

iii. Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta ini bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini adalah untuk melindungi kepentingan pelanggan industri perkhidmatan pembersihan.

iv. Akta Kerajaan Tempatan 1976

Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah satu akta untuk menyusun semula dan menyatukan undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan. Terdapat beberapa bahagian akta ini yang mempunyai implikasi khususnya bagi penyedia industri perkhidmatan pembersihan dan pembersihan.

Dalam pindaan tahun 2007, kuasa eksekutif adalah terletak pada Kerajaan Persekutuan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Sebelum pindaan ini, tanggungjawab ini dipikul oleh Kerajaan Tempatan. Akta Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

v. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007

Akta ini adalah untuk mengadakan peruntukan dan mengawal sisa pepejal dan pembersihan awam bagi tujuan menjaga kebersihan yang betul dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Akta ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Pembekal perkhidmatan pembersihan dan pengguna harus sedar penguatkuasaan akta ini di mana semua perkara yang berkaitan dengan pembersihan sisa pepejal adalah tidak lagi di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT).

vi. Akta Kualiti Alam Sekitar 1974

Ini adalah suatu akta yang berhubung kait dengan pencegahan,

penghapusan, pengawalan pencemaran dan untuk memperbaiki persekitaran serta bagi maksud yang berkaitan dengannya.

vii. Akta Warisan Kebangsaan 2005

Akta Warisan Kebangsaan 2005 adalah satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan yang terzhahir dan tidak terzhahir, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Ia menerima pengiktirafan Diraja pada 30 Disember 2005 dan telah disiarkan di dalam *Gazette* pada 31 Disember 2005. Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah berkuatkuasa pada 1 Mac 2006.

viii. Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984

Suatu Akta yang berkaitan dengan zon ekonomi eksklusif dan aspek-aspek tertentu pelantar benua Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan aktiviti di dalam zon dan di pelantar benua dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini meliputi perikanan, perlindungan dan pemuliharaan persekitaran marin, penyelidikan saintifik marin, pulau-pulau buatan, pemasangan dan struktur, kabel dasar laut dan saluran paip, penguatkuasaan, kesalahan, penalti, prosiding undang-undang dan pampasan.

2.8 Gambaran Keseluruhan Industri Pembersihan: Singapura, AS & Jepun

2.8.1 Gambaran Keseluruhan Industri Pembersihan Singapura

Anggaran nilai pembersihan di Singapura adalah kira-kira S\$ 600 juta atau RM1.44 bilion setahun. Industri ini berkembang pada kadar 30

peratus setahun. Singapura memperkenalkan *Singapore Manpower 21 (M21) Blueprint 1999*, yang bertujuan untuk mengubah tenaga kerja untuk memenuhi keperluan tenaga kerja ekonomi berasaskan pengetahuan. Antara perakuan di bawah M21 ini adalah:

- (a) untuk meningkatkan profesionalisme dan imej industri domestik yang mempunyai produktiviti yang perlahan;
- (b) untuk meningkatkan produktiviti dan mewujudkan lebih banyak peluang untuk tenaga kerja; dan
- (c) untuk mengurangkan pergantungan kepada buruh asing dalam Kerajaan Singapura dan sektor swasta telah bekerjasama untuk membangunkan Pelan Transformasi industri pembersihan.

Objektif pelan transformasi ini adalah:

- untuk meningkatkan produktiviti industri pembersihan;
- untuk meningkatkan persepsi pekerja terhadap industri pembersihan;
- untuk menggalakkan pencapaian kemahiran dan pengetahuan dalam industri pembersihan; dan
- untuk menggalakkan rakyat Singapura untuk mempertimbangkan bidang pembersihan sebagai pilihan pekerjaan yang berdaya maju

Antara inisiatif utama di bawah Pelan Transformasi kerajaan Singapura adalah seperti berikut:

- a) Prestasi standard (rujukan teknikal) bagi industri pembersihan:
- sebagai penanda aras untuk mengukur prestasi sektor perkhidmatan;
 - sebagai sistem yang objektif untuk menyediakan keperluan pelanggan dalam kontrak pembersihan dan pembekal

perkhidmatan pembersihan untuk menyediakan perancangan dan pengurusan kerja-kerja kebersihan untuk mencapai tahap kebersihan yang diperlukan;

- menggalakkan pembekal perkhidmatan pembersihan untuk membuat pelaburan dalam automasi, menyediakan latihan kepada pekerja-pekerja dan untuk memperbaiki proses kerja untuk meningkatkan daya saing; dan
- menyediakan sistem untuk pemilik/pengurus bangunan menilai perkhidmatan kebersihan yang disediakan.

(b) Standard kemahiran kebangsaan:

- sistem pengiktirafan kemahiran kebangsaan bertujuan untuk mewujudkan satu rangka kerja bagi kompetensi kemahiran kerja dan pensijilan kemahiran;
- meliputi keseluruhan industri dengan menentukan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang perlu dimasukkan dalam semua pekerja;
- membantu syarikat mencapai peningkatan perkhidmatan dalam produktiviti dan mempunyai pekerja mahir dan bermotivasi; dan
- telah dilaksanakan oleh Lembaga Produktiviti dan Standard Singapura dengan sokongan Kementerian Buruh dan Kementerian Perdagangan dan Industri.

(c) Tujuan Skim Akreditasi bagi syarikat pembersihan ialah:

- untuk meningkatkan profesionalisme;
- untuk menggalakkan mekanisasi dan automasi;
- untuk meningkatkan reputasi pembekal perkhidmatan; dan
- yang akan dilaksanakan oleh Persatuan Pengurusan Alam Sekitar Singapura.

2.8.2 Gambaran Keseluruhan Industri Pembersihan Amerika Syarikat

Industri pembersihan di Amerika Syarikat adalah sangat berbeza di mana syarikat francais di dalamnya memastikan bangunan atau fabrik adalah bersih dan disimpan dalam keadaan baik. Sesetengah francais dalam industri ini juga boleh terlibat dalam pemulihan selepas bencana atau melaksanakan pembaikan kecil.

Bidang pengkhususan di dalam industri ini, di mana francais boleh terlibat dalam satu atau lebih, termasuk:

- Perkhidmatan pembantu rumah
- Perkhidmatan janitorial
- Pembersihan karpet/upholsteri
- Penjagaan cucian kering/kain
- Pemulihan bencana
- Pengalihan bahan buangan

1. mengendalikan peralatan; mengendalikan fungsi kenderaan, kamera (video dan gambar), sistem kedudukan akustik, sonar, *manipulator* (lengan robotik) dan *Launch and Recovery Systems* (LARS);
2. mengendalikan ROV; menilai keadaan dan bahaya alam sekitar, berlabuh/berlepas dari *Tether Management System* (TMS) dan mengemudi ROV;
3. menjalankan pemeriksaan kerangka bawah air dan jaket keluli untuk kerja-kerja pembaikan dan/atau pembersihan;
4. membersihkan struktur keluli bawah air pelantar minyak, badan kapal, kipas kapal dan aci kipas;

5. mengendalikan sistem berus pembersihan ROV, yang boleh berkuasa air atau hidraulik;
6. memastikan keseluruhan sistem ROV masih kedap air;
7. melaksanakan penyelenggaraan/pembaikan ke atas peralatan; menyelenggara/membaiki elektronik, hidraulik, mekanik, menggunakan peralatan ujian, menentukur dan menyelaraskan peralatan dan melakukan pengemasan am;
8. mengekalkan komunikasi; mengekalkan hubungan pelanggan yang baik, menyelaraskan/berinteraksi dengan anak kapal, menyelaraskan/ berinteraksi dengan rakan-rakan krew, menulis laporan dan menyimpan rekod;
9. menggunakan kemahiran ilmu pelayaran; melakukan pemasangan asas dan mempunyai pengetahuan kemahiran kelangsungan hidup; dan
10. mengintegrasikan pengubahsuaian sistem reka bentuk (kemahiran lanjutan); mereka, membina dan memadamkan sistem elektrik dan hidraulik, mengekalkan dokumentasi teknikal dan reka bentuk serta membina sistem pelekap.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



LUAR PANTAI [OPERASI *ROBOTIC OPERATED VEHICLE* (ROV)]
(PEMBERSIHAN MINYAK & GAS)
TAHAP 5
JURUTERA *SUBMERSIBLE**

Jurutera Submersible ditugaskan untuk berfungsi sebagai *shift leader*, menyelia pelancaran operasi *recovery* di bawah keadaan laut biasa, menilai keadaan cuaca dan parameter operasi untuk operasi yang selamat, menguruskan pasukan semasa kecemasan, menguruskan jadual penyelenggaraan yang dirancang, memastikan pensijilan adalah sah bagi semua peralatan mengangkat, menjalankan pelbagai pembaikan kenderaan, menilai skop kerja dan menyediakan laporan.

***Jurutera Submersible* berkebolehan untuk:**

1. memastikan keselamatan dan kecekapan operasi sistem ROV dioptimumkan;
2. menjalankan kerja-kerja penyediaan atau laporan mengenai sistem ROV diberikan sebelum dan/atau selepas tamat operasi;
3. menyediakan sokongan teknikal kepada Juruteknik/Pengendali ROV;
4. bertanggungjawab ke atas operasi Sistem ROV yang ditugaskan kepada *Jurutera Submersible*, sepanjang tempoh *shift*;
5. menjalankan tugas operasi umum ROV seperti yang dikehendaki;
6. mengambil bahagian dalam mengenalpasti masalah apabila peralatan sedang dibaiki;
7. melaksanakan rutin penyelenggaraan pencegahan ke atas Sistem ROV dan mencatatkan penyelenggaraan/pembaikan yang dijalankan pada sistem;
8. membantu di dalam pengawalan dan penjagaan semua dokumentasi teknikal, prosedur dan umum yang dikeluarkan kepada sistem;

9. membantu dalam penyediaan pelan tugas semasa ketiadaan Jurutera Projek di tapak;
10. mengendalikan penyelenggaraan inventori alat ganti peralatan dan bahan lupus yang tepat untuk sistem ROV;
11. menyediakan senarai '*stores used*', pada masa yang ditentukan oleh Penyelia ROV, yang akan digunakan bagi permintaan mingguan yang dihantar ke darat oleh Penyelia ROV;
12. menjalankan taklimat terperinci dengan Jurutera *Submersible* gantian atau menyediakan nota penyerahan terperinci jika tiada *overlap*. Perhatian khusus akan diberi kepada isu-isu teknikal ROV;
13. membiasakan diri dengan bahagian-bahagian yang berkaitan dengan *Company Business Management System* (BMS) dan pelan kualiti projek dengan perhatian khusus kepada skop kerja;
14. mematuhi keperluan sebelum dan selepas menyelam Sistem ROV, termasuklah merakamkan keputusan ke dalam ROV *Dive log*; dan
15. memastikan semua kecacatan atau masalah sistem direkodkan selaras dengan prosedur operasi ROV.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



LUAR PANTAI [OPERASI *ROBOTIC OPERATED VEHICLE* (ROV)]
(PEMBERSIHAN MINYAK & GAS)

TAHAP 6

PENYELIA *ROBOTIC OPERATED VEHICLE* (ROV)*

Penyelia *Robotic Operated Vehicle* (ROV) ditugaskan untuk bertanggungjawab ke atas keselamatan ROV, kakitangan peralatan dan sistem yang berkaitan, menyusun dan menguruskan pasukan, mengendalikan operasi dan situasi kecemasan di atas kapal secara berkesan, menguruskan perjalanan dan pemberhentian aktiviti, menilai kakitangan dan berurusan dengan pelanggan secara berkesan semasa ketiadaan *offshore manager* serta memastikan bahawa kakitangan di bawah seliaan bekerja ke arah objektif syarikat.

Penyelia *Robotic Operated Vehicle* (ROV) berkebolehan untuk:

1. mewakili Jabatan ROV dan berkomunikasi dengan Penguasa ROV, Pengurus Kapal atau *Offshore Manager* di tapak atau dengan pelanggan jika berada di atas kapal pihak ketiga, sebagaimana yang dikehendaki;
2. menyediakan pelan tugas untuk Pasukan ROV;
3. menyelia kakitangan ROV di dalam pasukan;
4. menghadiri mesyuarat yang diperlukan sebelum operasi untuk memastikan bahawa semua krew ROV memahami tujuan operasi dan kaedah yang dicadangkan;
5. memberikan taklimat kepada wakil pelanggan tentang keupayaan dan limitasi operasi ROV dan peralatan yang berkaitan.
6. memastikan bahawa semua peralatan dan alat ganti berada dalam keadaan yang memuaskan dan dikekalkan seperti itu untuk memastikan operasi yang cekap;
7. memastikan bahawa laporan tapak kerja harian ROV dikeluarkan;
8. menjalankan tugas umum ROV seperti yang dikehendaki;

9. menilai prestasi krew dan menggunakan Skim Penilaian dan Kecekapan seperti yang dikehendaki;
10. memastikan pelaksanaan Operasi ROV yang tepat pada masanya selaras dengan keperluan projek dan prosedur; dan
11. memastikan pematuhan undang-undang dan garis panduan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal

SUB-SEKTOR: PEMBERSIHAN WARISAN



PEMBERSIHAN TAPAK WARISAN
(PEMBERSIHAN WARISAN)
TAHAP 1
PENCUCI TAPAK WARISAN*

Pencuci Tapak Warisan ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti pembersihan yang berkaitan untuk pembersihan tapak warisan, memastikan ketersediaan peralatan perlindungan, mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan, melupuskan sisa di tapak pelupusan yang dibenarkan, melengkapkan senarai semak kerja pembersihan dan melaporkan aktiviti pembersihan kepada ketua.

Pencuci Tapak Warisan berkebolehan untuk:

1. melaksanakan pelbagai aktiviti pembersihan termasuk pembersihan tandas selaras dengan arahan yang diberikan oleh Pencuci Kanan;
2. melaporkan apa-apa barang yang pecah, kemalangan atau kecederaan segera kepada Pencuci Kanan;
3. memastikan keselamatan selamat termasuk mengunci pintu dan tingkap dan mengaktifkan system penggera;
4. melaporkan sebarang masalah kecemasan penyelenggaraan termasuk lekapan air tandas dan lain-lain kepada Ketua Pasukan;
5. memakai pakaian seragam yang sesuai dan peralatan perlindungan selaras dengan kerja yang dilakukan;
6. memahami dan mematuhi prosedur keselamatan;
7. meninggalkan premis dengan cara yang selamat;
8. berkomunikasi dengan berkesan dengan ahli pasukan dan pelanggan; dan
9. melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang diberikan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN TAPAK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 2

PENCUCI KANAN TAPAK WARISAN*

Pencuci Kanan Tapak Warisan ditugaskan untuk menyediakan peralatan & bahan kimia yang diperlukan, melaksanakan aktiviti-aktiviti pembersihan yang berkaitan dengan pembersihan tapak warisan, mematuhi prosedur keselamatan dan standard syarikat pembersihan, melatih pencuci baru, mengesyorkan penambahbaikan pada semua aspek kerja pembersihan dan membantu penyelia apabila perlu.

Pencuci Kanan Tapak Warisan berkebolehan untuk:

1. menyelia perkhidmatan pembersihan di tapak warisan dengan pengurus kontrak untuk memastikan operasi yang berkesan;
2. mengesahkan *timesheets* dan laporan ketidakhadiran, memohon perubahan waktu bekerja, pembersihan tambahan atau cuti daripada Penyelia;
3. mengeluarkan bahan pencuci yang sesuai dan memastikan stok bahan-bahan pembersihan yang disimpan mencukupi;
4. meminta bekalan dari Penyelia seperti yang diperlukan;
5. memastikan semua peralatan pembersihan yang disediakan untuk kegunaan di premis adalah memuaskan dan melaporkan apa-apa kekurangan kepada Penyelia dengan segera;
6. menjalankan program induksi dan latihan kerja kakitangan pembersihan, selaras dengan amalan keselamatan dan kesihatan yang berkaitan;
7. mengosongkan tong sampah dan mengangkut bahan buangan ke pusat pengumpulan yang ditetapkan;
8. menyapu lantai dengan mop atau berus;

9. menggunakan mesin menyental/menggilap berkuasa elektrik untuk menggosok, menggilap dan menyembur lantai;
10. menggunakan mesin pengangkut berkuasa elektrik.
11. mengelap, membasuh atau menggilap perabot, tingkap, permukaan luar almari, radiator, rak dan perlengkapan;
12. membersihkan tandas dan pancutan air minum;
13. menggunakan agen kimia seperti yang diarahkan oleh pegawai yang menyelia dalam menjalankan operasi pembersihan atau prosedur penyelenggaraan (selepas menerima arahan yang betul dan latihan);
14. mencuci dinding dan panel tingkap dalaman pada ketinggian tidak lebih daripada ketinggian badan semasa program pembersihan berkala.
15. memahami dan mematuhi polisi tapak warisan; dan
16. menjalankan apa-apa tugas lain yang munasabah dalam fungsi keseluruhan kerja.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN TAPAK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 3

PENYELIA PEMBERSIHAN TAPAK WARISAN*

Penyelia Pembersihan Tapak Warisan ditugaskan untuk melaksanakan menyediakan jadual kerja pembersihan harian, menjalankan taklimat harian kepada operator, memperuntukkan peralatan pembersihan & bahan operator, melatih prosedur pembersihan, menyediakan perundingan dan kaunseling kepada operator, memantau dan menilai prestasi operator dan melaporkan status kerja pembersihan kepada pembantu konservator.

Penyelia Pembersihan Tapak Warisan berkebolehan untuk:

1. menyelia dan mengarahkan kerja pencuci tapak warisan;
2. mengatur jadual bekerja dan menganjurkan aktiviti dengan jabatan lain;
3. mencadangkan atau mengaturkan perkhidmatan tambahan yang diperlukan seperti lukisan, kerja pemuliharaan, pengubahsuaian atau penggantian perabot dan peralatan;
4. melantik dan mendidik kakitangan pembersihan;
5. menguruskan anggaran kos dan mengekalkan rekod kewangan;
6. menerima pembayaran untuk kerja-kerja pembersihan tertentu;
7. menjalankan tugas pembersihan tertentu; dan
8. memeriksa laman web atau kemudahan untuk menjamin piawaian keselamatan dan kebersihan dipenuhi.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN TAPAK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 4

PEMBANTU KONSERVATOR TAPAK WARISAN*

Pembantu Konservator Tapak Warisan ditugaskan untuk menyediakan bantuan dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan, membantu dalam perancangan tenaga kerja dan peralatan, menyelaraskan tenaga kerja dan keperluan logistik, merancang latihan pembangunan kakitangan, memantau kemajuan kerja pembersihan dan disiplin kakitangan, memantau kualiti kerja pembersihan, mengambil bahagian dalam mesyuarat dengan pelanggan dan melaporkan kemajuan kerja kepada konservator.

Pembantu Konservator Tapak Warisan berkebolehan untuk:

1. membantu Konservator dalam pemeliharaan dan pemuliharaan semua jenis bahan-bahan arkib;
2. menilai arkib sebelum pemeliharaan dan pemuliharaan;
3. memulihara tapak arkeologi, landskap, struktur, elemen dan permukaan hadapan bangunan;
4. mengekalkan dokumentasi terperinci berkaitan tugas di dalam pangkalan data dan mengambil gambar untuk tujuan rekod (sebelum, semasa dan selepas);
5. membantu dalam pelaksanaan dan mengemaskini pelan kawalan bencana, terutamanya melalui penyertaan dalam latihan;
6. membantu dalam pemantauan keadaan persekitaran;
7. membantu dalam mempromosikan kesedaran amalan pemuliharaan yang baik dengan menunjukkan cara pengendalian tapak warisan yang selamat dan menggunakan kaedah penyimpanan bahan-bahan yang sesuai;

8. menjalankan latihan selaras dengan pelan latihan jabatan dan seksyen;
9. membantu dalam tugas am yang berkenaan dengan keselamatan fizikal dan pemeliharaan tapak warisan;
10. memahami dan mematuhi dasar alam sekitar & *Heritage Impact Assessment* (HIA); dan
11. mematuhi semua dasar dan undang-undang kesihatan dan keselamatan dalam melaksanakan tugas.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN TAPAK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 5

KONSERVATOR TAPAK WARISAN*

Konservator Tapak Warisan ditugaskan untuk melaksanakan perancangan tenaga kerja, menguruskan bahan lupus pemuliharaan, peralatan dan bahan kimia, menjalankan pengawalan kewangan, menilai program-program latihan, mentadbir penilaian kakitangan, menganalisa prestasi kerja pemuliharaan dan menilai kaedah dan teknologi pemuliharaan baru.

Konservator Tapak Warisan berkebolehan untuk:

1. memulihara bahan-bahan atau struktur yang rosak;
2. mengenalpasti dan menilai pilihan dan membuat keputusan mengenai rawatan atau langkah-langkah pencegahan;
3. mengkaji kaedah warisan untuk menilai kesesuaian prosedur pemuliharaan;
4. melaksanakan analisis dan ujian pemuliharaan;
5. menentukan prosedur pemuliharaan dan memberi nasihat tentang penjagaan lanjutan;
6. menyimpan rekod pemuliharaan;
7. memantau dan mengawal keadaan di mana komponen tapak disimpan;
8. menguruskan dan/atau melaksanakan projek-projek pemuliharaan pencegahan, termasuk pemantauan alam sekitar dan pengurusan makhluk perosak yang berkaitan dengan pelan pengurusan pemuliharaan;
9. menyediakan penyeliaan yang rapi dan bimbingan kepada orang bawahan;
10. memberi kidmat nasihat mengenai prosedur pameran tapak warisan yang selamat; dan

11. menguruskan projek pemuliharaan dan hubungan pelanggan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN OBJEK WARISAN
(PEMBERSIHAN WARISAN)
TAHAP 1
PEMBERSIH OBJEK WARISAN*

Pembersih Objek Warisan ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti pembersihan yang berkaitan dengan artifak warisan/pembersihan objek, memastikan ketersediaan peralatan perlindungan, mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan, melupuskan sisa di tapak pelupusan yang dibenarkan, melengkapkan senarai semak kerja pembersihan dan melaporkan aktiviti pembersihan awam kepada ketua.

Pembersih Objek Warisan berkebolehan untuk:

1. memilih alat pembersihan dan teknik yang betul;
2. menentukan sama ada pertambahan pada artifak/objek adalah hasil daripada sejarah penggunaan objek;
3. mengenalpasti komposisi dan keadaan bahan yang hendak dibersihkan. Sebaik-baiknya, berunding dengan seorang konservator untuk nasihat mengenai kaedah dan produk untuk digunakan dalam pembersihan basah;
4. memberus permukaan tanah dengan berus lembut berbulu;
5. memeriksa artifak/objek untuk pigmentasi, kesan salutan emas atau kepingan longgar sebelum membasuh kerana ini boleh hilang dengan mudah semasa pembersihan; dan
6. mengeringkan artifak/objek perlahan-lahan dan tidak meletakkannya di bawah cahaya matahari semasa proses pengeringan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN OBJEK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 2

PEMBERSIH KANAN OBJEK WARISAN*

Pembersih Kanan Objek Warisan ditugaskan untuk menyediakan itu peralatan & bahan kimia yang diperlukan, melaksanakan aktiviti pembersihan yang berkaitan dengan pembersihan, artifak warisan/objek, mematuhi prosedur keselamatan dan standard syarikat pembersihan, melatih pembersih baru, mengesyorkan penambahbaikan pada semua aspek kerja pembersihan dan membantu penyelia apabila perlu.

Pembersih Kanan Objek Warisan berkebolehan untuk:

1. mengenalpasti bahan-bahan dan teknologi pembersihan artifak/objek;
2. menilai keadaan artifak/objek;
3. menilai potensi analisis artifak/objek. Artifak/objek yang digunakan dalam analisis instrumental tidak perlu dibersihkan kecuali pada keadaan tertentu dan dengan pengawasan dari Konservator.
4. menyelia perkhidmatan pembersihan untuk artifak warisan/objek dengan penyelia untuk memastikan operasi kontrak pembersihan yang berkesan;
5. mengesahkan *timesheets* dan laporan ketidakhadiran, memohon perubahan waktu bekerja, pembersihan tambahan atau cuti daripada Penyelia;
6. mengeluarkan bahan pencuci yang sesuai dan memastikan stok bahan-bahan pembersihan yang disimpan mencukupi;
7. meminta bekalan dari Penyelia seperti yang diperlukan;

8. memastikan semua peralatan pembersihan yang disediakan untuk kegunaan di premis adalah memuaskan dan melaporkan apa-apa kekurangan kepada Penyelia dengan segera;
9. menjalankan program induksi dan latihan kerja kakitangan pembersihan, selaras dengan amalan keselamatan dan kesihatan yang berkaitan;
10. menggunakan mesin berkuasa elektrik menyental/menggilap untuk menggosok, menggilap dan menyembur objek;
11. menggunakan agen kimia seperti yang diarahkan oleh pegawai yang menyelia dalam menjalankan operasi pembersihan atau prosedur penyelenggaraan (selepas menerima arahan yang betul dan latihan);
12. memahami dan mematuhi polisi artifak / objek warisan; dan
13. menjalankan apa-apa tugas lain yang munasabah dalam fungsi keseluruhan kerja.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN OBJEK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 3

PENYELIA PEMBERSIHAN OBJEK WARISAN*

Penyelia Pembersihan Objek Warisan ditugaskan untuk melaksanakan menyediakan jadual kerja pembersihan harian, menjalankan taklimat harian kepada operator, memperuntukkan peralatan pembersihan & bahan operator, melatih prosedur pembersihan, menyediakan perundingan dan kaunseling kepada operator, memantau dan menilai prestasi operator dan melaporkan status kerja pembersihan kepada pembantu konservator.

Penyelia Pembersihan Objek Warisan berkebolehan untuk:

1. menyelia dan mengarahkan kerja pembersihan artifak /objek warisan;
2. mengatur jadual kerja dan menganjurkan aktiviti dengan jabatan lain;
3. mencadangkan atau mengaturkan perkhidmatan tambahan yang diperlukan seperti lukisan, kerja pemuliharaan, pengubahsuaian atau penggantian artifak/objek;
4. melantik dan melatih kakitangan pembersihan;
5. menguruskan anggaran kos dan mengekalkan rekod kewangan;
6. menerima pembayaran untuk kerja-kerja pembersihan tertentu;
7. menjalankan tugas pembersihan tertentu; dan
8. memeriksa objek warisan untuk menjamin piawaian keselamatan dan pemulihan dipenuhi.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN OBJEK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 4

PEMBANTU KONSERVATOR OBJEK WARISAN*

Pembantu Konservator Objek Warisan ditugaskan untuk menyediakan bantuan dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan, membantu dalam perancangan tenaga kerja dan peralatan, menyelaraskan tenaga kerja dan keperluan logistik, merancang latihan pembangunan kakitangan, memantau kemajuan kerja pembersihan dan disiplin kakitangan, memantau kualiti kerja pembersihan, mengambil bahagian dalam mesyuarat dengan pelanggan dan melaporkan kemajuan kerja kepada konservator.

Pembantu Konservator Objek Warisan berkebolehan untuk:

1. membantu Konservator dengan pemeliharaan dan pemuliharaan semua jenis bahan-bahan warisan;
2. menilai arkib sebelum pemeliharaan dan pemuliharaan;
3. memulihara semua jenis bahan/objek mengikut kaedah sesuai;
4. mengekalkan dokumentasi terperinci berkaitan tugas di dalam pangkalan data dan mengambil gambar untuk tujuan rekod (sebelum, semasa dan selepas);
5. membantu dalam pelaksanaan dan mengemaskini pelan kawalan bencana, terutamanya melalui penyertaan dalam latihan;
6. membantu dalam pemantauan keadaan persekitaran;
7. membantu dalam mempromosikan kesedaran amalan pemuliharaan yang baik dengan menunjukkan cara pengendalian dokumen warisan yang selamat dan menggunakan kaedah penyimpanan bahan-bahan yang sesuai;

8. menggalakkan penggunaan sejarah, pendidikan dan kebudayaan objek warisan melalui penyertaan dalam aktiviti dan tugas yang berkaitan;
9. menjalankan latihan selaras dengan pelan latihan jabatan dan seksyen;
10. membantu dalam tugas am yang berkenaan dengan keselamatan fizikal dan pemeliharaan tapak warisan;
11. memahami dan mematuhi pelan pengurusan pemuliharaan dan lain-lain dasar yang berkaitan dengan perlindungan objek warisan;
12. mematuhi semua dasar dan undang-undang kesihatan dan keselamatan dalam melaksanakan tugas; dan
13. menjalankan tugas lain yang munasabah dalam fungsi keseluruhan setimpal dengan gred dan tahap tanggungjawab jawatan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN OBJEK WARISAN

(PEMBERSIHAN WARISAN)

TAHAP 5

KONSERVATOR OBJEK WARISAN*

Konservator Objek Warisan ditugaskan untuk melaksanakan perancangan tenaga kerja, menguruskan bahan lupus pemuliharaan, peralatan dan bahan kimia, menjalankan pengawalan kewangan, menilai program-program latihan, mentadbir penilaian kakitangan, menganalisa prestasi kerja pemuliharaan dan menilai kaedah dan teknologi pemuliharaan baru.

Konservator Objek Warisan berkebolehan untuk:

1. menjalankan pemeriksaan, menilai artifak/keperluan pemuliharaan objek warisan;
2. menjalankan dokumentasi penuh dan rawatan artifak/objek (sebelum, semasa dan selepas);
3. menyediakan penyeliaan yang rapi dan bimbingan kepada orang bawahan;
4. melaksanakan analisis dan ujian pemuliharaan;
5. mengurus dan/atau melaksanakan projek-projek pemuliharaan pencegahan, termasuk pemantauan alam sekitar dan pengurusan makhluk perosak yang berkaitan dengan penjagaan koleksi dalam simpanan;
6. memantau dan mengawal persekitaran di mana objek disimpan;
7. bekerjasama untuk pameran dan terlibat dalam pembangunan galeri;
8. terlibat dalam pemuliharaan kajian atau penyelidikan yang berkaitan dengan artifak/objek warisan;
9. memberi nasihat mengenai prosedur yang betul berkenaan pameran repositori artifak/objek warisan; dan

10. mematuhi pelan pengurusan pemuliharaan dan lain-lain dasar yang berkaitan dalam melindungi objek warisan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal

SUB-SEKTOR: PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI



PEMBERSIHAN MARIN (TUMPAHAN MINYAK)
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 2
JURUTEKNIK PEMBERSIHAN MARIN *

Juruteknik Pembersihan Marin ditugaskan untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pembersihan tumpahan minyak, pemulihan tapak, pembersihan peralatan dan pengendalian bahan-bahan berbahaya, mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan, melengkapkan senarai semak kerja pembersihan tumpahan minyak dan melaporkan aktiviti pembersihan tumpahan minyak kepada ketua.

Juruteknik Pembersihan Marin berkebolehan untuk:

1. memastikan prosedur kesihatan dan keselamatan dengan mematuhi polisi dan proses serta bertindak dengan cara yang selamat pada setiap masa;
2. melakukan aktiviti fizikal berat termasuk mengangkat, menarik dan menolak objek berat;
3. mengendalikan jentera ringan dan berat termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pam, vakum, peralatan, *oil spill boom*, penjana dan *bobcats*;
4. melaksanakan aktiviti tindakbalas kecemasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tumpahan kimia dan air, pencemaran *etiological* dan biologi, pembersihan tangki dan dekontaminasi peralatan;
5. melengkapkan kertas kerja berkaitan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, *worksheets* harian, pemeriksaan kenderaan, pemeriksaan peralatan, keperluan kesihatan dan keselamatan serta permit;
6. bertindak balas dengan segera apabila dipanggil bertugas;
7. memeriksa kenderaan, peralatan serta keperluan kesihatan dan keselamatan;

8. memastikan penggunaan peralatan yang betul dan segera memberitahu penyelia masalah atau apa-apa kegagalan mekanikal dengan peralatan;
9. memastikan pematuhan berterusan kepada peraturan-peraturan kesihatan dan keselamatan;
10. menggunakan pelbagai Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) dengan betul. Ini termasuk alat pernafasan, pelindung kulit, muka, tangan dan kaki dalam pelbagai kombinasi;
11. bekerja di dalam pelbagai suhu, samada di dalam dan di luar bangunan, di dalam semua keadaan cuaca: termasuk cuaca panas dan sejuk yang melampau ketika memakai pelbagai jenis PPE;
12. bekerja di lokasi yang potensi untuk mengakibatkan pendedahan kepada pelbagai agen kimia dan fizikal yang mungkin berbahaya, toksik atau mengakis;
13. bekerja di tempat berbunyi bising, di ruang yang sempit, termasuk mengangkat barang di kawasan *clearance* rendah. Bekerja pada ketinggian tertentu, termasuk bekerja dari tangga dan perancah;
14. bekerja di dalam tempoh masa yang dilanjutkan dan tidak menentu; dan
15. melaksanakan tugas-tugas lain seperti yang diberikan dari masa ke semasa oleh pihak pengurusan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN MARIN (TUMPAHAN MINYAK)
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 3
JURUTEKNIK KANAN PEMBERSIHAN MARIN*

Juruteknik Kanan Pembersihan Marin ditugaskan untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pembersihan tumpahan minyak, pemulihan tapak, pembersihan peralatan dan pengendalian bahan-bahan berbahaya, berupaya untuk bekerja dengan penyeliaan yang minima, menjalankan taklimat kepada juruteknik pembersihan, memperuntukkan peralatan dan bahan-bahan pembersihan kepada juruteknik, melatih juruteknik tentang prosedur pembersihan, memantau dan menilai prestasi juruteknik pembersihan dan melaporkan status kerja pembersihan kepada pembantu pakar.

Juruteknik Kanan Pembersihan Marin berkebolehan untuk:

1. memastikan prosedur kesihatan dan keselamatan dengan mematuhi polisi dan proses serta bertindak dengan cara yang selamat pada setiap masa;
2. melakukan aktiviti fizikal berat termasuk mengangkat, menarik dan menolak objek berat;
3. mengendalikan jentera ringan dan berat termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pam, vakum, peralatan, *oil spill boom*, penjana dan *bobcats*;
4. bertindak balas dengan segera apabila dipanggil bertugas;
5. mengendalikan pelbagai alat tangan dan alat kuasa (pneumatik dan elektrik, hidraulik) industri, termasuk pencuci tekanan;
6. memastikan penggunaan peralatan yang betul dan segera memberitahu penyelia masalah atau apa-apa kegagalan mekanikal dengan peralatan;

7. memastikan pematuhan berterusan kepada peraturan-peraturan kesihatan dan keselamatan;
8. menggunakan pelbagai *Peralatan Perlindungan Peribadi* (PPE) dengan betul. Ini termasuk alat pernafasan, pelindung kulit, muka, tangan dan kaki dalam pelbagai kombinasi;
9. bekerja di dalam pelbagai suhu, samada di dalam dan di luar bangunan, di dalam semua keadaan cuaca: termasuk cuaca panas dan sejuk yang melampau ketika memakai pelbagai jenis PPE;
10. bekerja di lokasi yang potensi untuk mengakibatkan pendedahan kepada pelbagai agen kimia dan fizikal yang mungkin berbahaya, toksik atau mengakis;
11. bekerja di dalam tempoh masa yang dilanjutkan dan tidak menentu; dan
12. melaksanakan tugas-tugas lain seperti yang diberikan dari masa ke semasa oleh pihak pengurusan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN MARIN (TUMPAHAN MINYAK)
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 4
PEMBANTU PAKAR PEMBERSIHAN MARIN*

Pembantu Pakar Pembersihan Marin ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan, ujian dan penguatkuasaan ordinan pengawalan marin, serta perlindungan, penilaian, pengawasan dan/atau pengurusan pembersihan marin, menyelaraskan dan menyelia lapangan dan aktiviti-aktiviti makmal yang berkaitan dengan pemantauan dan penilaian kualiti marin, menjalankan kajian teknikal pemulihan tapak tercemar, penyelarasan program pendidikan awam, aktiviti pengawalseliaan mengenai sumber asli/sejarah atau bahan-bahan berbahaya.

Pembantu Pakar Pembersihan Marin berkebolehan untuk:

1. menyelia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja bawahan termasuk prosedur kerja dan menentukan jadual;
2. menjalankan kajian prestasi;
3. menjalankan latihan jabatan dan orientasi;
4. menerima aduan berkenaan dengan pelanggaran peraturan-peraturan alam sekitar;
5. menyiasat aduan untuk tindakan pembetulan dan membuat cadangan;
6. membantu dalam pembangunan Kursus Latihan Kawalan Pencemaran untuk kakitangan marin;
7. menyelia pelaksanaan termasuk penjadualan kumpulan kakitangan dan arahan di tapak; dan

8. melaksanakan pelbagai tugas-tugas yang berkaitan seperti yang diminta oleh Pakar Pembersihan Tumpahan Minyak.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN MARIN (TUMPAHAN MINYAK)
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 5
PAKAR PEMBERSIHAN MARIN*

Pakar Pembersihan Marin ditugaskan untuk menyediakan hala tuju kepada aktiviti kumpulan sokongan pengawalan pencemaran marin yang berkaitan dengan operasi pengawalan tumpahan, pembersihan tumpahan, pencegahan tumpahan minyak luar pesisir dan kajian pengawalan teknikal, bertanggungjawab menyediakan hala tuju kejuruteraan teknikal, menyediakan kepakaran mengenai pencegahan tumpahan minyak, pembendungan penyebaran, pengumpulan dan pemulihan serta menyediakan dokumentasi dan rekod mingguan, bulanan dan tahunan mengenai tumpahan minyak.

Pakar Pembersihan Marin berkebolehan untuk:

1. menyediakan hala tuju kerja dan bimbingan teknikal bagi aktiviti pengawalan pencemaran marin;
2. menyediakan hala tuju kejuruteraan teknikal dan nasihat kepada Unit Kawalan Pencemaran semasa aktiviti rutin pembersihan mereka;
3. menyelia penyediaan dokumen dan laporan kebocoran/tumpahan yang diperlukan oleh pelanggan dan pihak berkuasa kerajaan;
4. menyediakan kepakaran kejuruteraan teknikal kepada bahagian yang berkaitan untuk membaikpulih peralatan sedia ada, penyediaan spesifikasi dan pembelian peralatan baru;
5. bekerjasama dengan Penyelaras Tumpahan Minyak Terminal dalam penyediaan pelan kontingensi;

6. melaksanakan pemeriksaan berkala pematuhan dan penguatkuasaan fasiliti terkawal, tapak tercemar, tapak pemulihan dan tapak alam sekitar lain untuk memastikan pematuhan dan penguatkuasaan ordinan tempatan dan program kawal selia negeri dan tempatan;
7. melaksanakan tindakan kecemasan tumpahan seperti yang diperlukan untuk bahan-bahan berbahaya atau tumpahan produk petroleum dalam membantu untuk menyelaras pemulihan tumpahan;
8. menggunakan prinsip dan kaedah kejuruteraan dan saintifik;
9. menyelia dan menyelaras aktiviti-aktiviti pekerja bawahan;
10. berkomunikasi dengan berkesan secara lisan dan bertulis;
11. mewujudkan laporan teknikal yang ringkas dan jelas;
12. mengkaji masalah teknikal, merumuskan cadangan dan menyediakn laporan berkaitan; dan
13. mewujudkan dan mengekalkan hubungan kerja yang berkesan dengan rakan sekerja, orang awam dan lain-lain agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN SUNGAI
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 1
OPERATOR PEMBERSIHAN SUNGAI*

Operator Pembersihan Sungai ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti pembersihan sungai seperti mengumpul semua jenis sisa pepejal, meletakkan sisa pepejal ke dalam beg plastik, mengalihkan semua tumbuh-tumbuhan yang tidak diingini dan sisa terkumpul, melupuskan sisa di tapak pelupusan yang dibenarkan, mematuhi prosedur operasi standard kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta melaporkan aktiviti pembersihan sungai kepada ketua.

Operator Pembersihan Sungai berkebolehan untuk:

1. menentukan jadual, sumber dan lokasi kerja;
2. mendapatkan peralatan pakaian peralatan keselamatan/PPE;
3. mengumpul semua jenis sisa pepejal yang terperangkap pada perangkap sampah atau *floating boom*;
4. meletakkan sisa pepejal terkumpul ke dalam bekas/beg plastik dan memuatkan semua bahan buangan yang dikumpul ke dalam trak;
5. menggunakan bot untuk mengumpul bahan-bahan yang tidak diingini/sisa yang terapung;
6. mengalihkan semua tumbuh-tumbuhan yang tidak diingini dan sisa terkumpul;
7. meletakkan semua sisa terkumpul di dalam bekas/beg plastik;
8. membuang beg plastik ke tapak pelupusan yang dibenarkan;
9. membersihkan semua peralatan selepas setiap penggunaan;
10. bekerjasama dengan Pegawai Penguasa di tapak;
11. melakukan aktiviti pembersihan sungai mengikut SOP/Manual Operasi; dan

12. melaporkan aktiviti pembersihan sungai kepada ketua.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN SUNGAI
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 2
OPERATOR KANAN PEMBERSIHAN SUNGAI*

Operator Kanan Pembersihan Sungai ditugaskan untuk menyediakan peralatan yang diperlukan, melaksanakan aktiviti pembersihan berkaitan pembersihan sungai, mematuhi prosedur operasi standard kesihatan, keselamatan dan alam sekitar, memantau prestasi kerja operator, melatih operator baru, mengesyorkan penambahbaikan pada semua aspek kerja dan membantu penyelia apabila perlu.

Operator Kanan Pembersihan Sungai berkebolehan untuk:

1. mengenalpasti dan menyediakan peralatan yang diperlukan;
2. menggunakan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE);
3. menempatkan papan tanda kerja pembersihan dengan betul mengikut SOP;
4. mematuhi prosedur keselamatan;
5. mengendalikan bot untuk mengumpul bahan yang tidak diingini/sisa terapung dan untuk memantau kemajuan kerja;
6. meletakkan sampah yang dikumpulkan di tempat yang betul untuk tujuan pengumpulan;
7. menyiapkan kerja seperti yang dijadualkan;
8. membantu operator jika perlu;
9. melatih operator baru dalam semua aspek;
10. bekerjasama dengan Pegawai Penguasa di tapak;

11. mengesyorkan penambahbaikan pada semua aspek kerja; dan
12. membantu penyelia apabila perlu.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN SUNGAI
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 3
PENYELIA OPERASI PEMBERSIHAN SUNGAI*

Penyelia Operasi Pembersihan Sungai ditugaskan untuk menyediakan jadual kerja pembersihan harian, menjalankan taklimat harian kepada operator, memperuntukkan peralatan & bahan pembersihan kepada operator, melatih operator baru mengenai prosedur pembersihan, menyediakan perundingan dan kaunseling kepada operator, memantau dan menilai prestasi operator, mematuhi prosedur operasi standard kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta melaporkan status kerja pembersihan sungai kepada eksekutif.

Penyelia Operasi Pembersihan Sungai berkebolehan untuk:

1. membantu dalam menyelaraskan urusan logistik seperti lori dan bot;
2. memastikan operator berada di tapak tepat pada masanya;
3. memeriksa alat keselamatan yang dipakai oleh operator pembersihan;
4. memastikan kerja bermula tepat pada masanya;
5. memastikan kelajuan kerja dikekalkan;
6. memastikan kualiti standard kerja dicapai;
7. memastikan bahawa peralatan keselamatan diletakkan dengan betul;
8. memastikan beg sampah dikutip dan diletakkan di tempat yang ditetapkan;
9. melatih operator mengenai keselamatan peribadi dan awam;
10. bekerjasama dengan Pegawai Penguasa di tapak;
11. berada di tapak semasa operasi pembersihan; dan

12. mengemaskini laporan kemajuan kerja pembersihan kepada eksekutif.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



PEMBERSIHAN SUNGAI
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)
TAHAP 4
EKSEKUTIF OPERASI PEMBERSIHAN SUNGAI*

Eksekutif Operasi Pembersihan Sungai ditugaskan untuk melaksanakan perancangan tenaga kerja dan peralatan, menyelaraskan pasukan dan keperluan logistik, merancang latihan pembangunan kakitangan, memantau kemajuan kerja pembersihan dan disiplin kakitangan, melaksanakan pemeriksaan, ujian dan penguatkuasaan ordinan pengawalan pencemaran sungai, menyelaraskan program pendidikan awam tentang kebersihan sungai, mengambil bahagian dalam mesyuarat dengan pelanggan dan melaporkan kemajuan kerja kepada pengurus.

Eksekutif Operasi Pembersihan Sungai berkebolehan untuk:

1. mengenalpasti keperluan untuk menjalankan tugas;
2. merancang tenaga kerja dan peralatan dalam memenuhi keperluan;
3. menyelaraskan pasukan dan keperluan logistik;
4. memantau kemajuan kerja pada setiap masa;
5. menganalisis produktiviti dan kemajuan untuk meningkatkan kelajuan kerja;
6. memantau perbelanjaan dan kos pada setiap masa;
7. memastikan penyelia berada di tapak pada setiap masa;
8. menjalankan latihan apabila perlu;
9. melaporkan mengenai kemajuan kerja tapak kepada pengurus;
10. menghadiri mesyuarat dengan pelanggan;
11. berkomunikasi dengan baik dengan entiti yang terlibat dalam menjalankan tugas;
12. menyelia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja bawahan termasuk prosedur kerja dan menentukan jadual;
13. memberi arahan dan membahagikan tugas;

14. mencadangkan tindakan berkaitan dengan kakitangan;
15. menjalankan kajian prestasi;
16. menjalankan latihan jabatan dan orientasi;
17. menerima aduan berkenaan dengan pelanggaran peraturan-peraturan alam sekitar;
18. menyiasat aduan untuk tindakan pembetulan dan membuat cadangan;
19. membantu dalam pembangunan Kursus Latihan Kawalan Pencemaran untuk kakitangan pembersihan sungai;
20. menyelia pelaksanaan termasuk penjadualan kakitangan kumpulan dan arahan di tapak kerja; dan
21. menyediakan laporan untuk pihak pengurusan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal



**PEMBERSIHAN SUNGAI
(PEMBERSIHAN MARIN & SUNGAI)**

TAHAP 5

PENGURUS OPERASI PEMBERSIHAN SUNGAI*

Pengurus Operasi Pembersihan Sungai ditugaskan untuk melaksanakan perancangan tenaga kerja, menguruskan bahan lupus pembersihan, peralatan dan bahan kimia; menyediakan, memantau dan mengawal bajet, menilai memantau program-program latihan, menyediakan kepakaran di dalam pencegahan pencemaran sungai, menggalakkan usaha memulihara sungai, menyelaraskan dan menyelia aktiviti lapangan dan makmal yang berkaitan dengan pemantauan dan penilaian kualiti sungai, menjalankan penilaian teknikal pemulihan tapak tercemar dan mendapatkan kontrak pembersihan sungai baru.

Pengurus Operasi Pembersihan Sungai berkebolehan untuk:

1. merancang pelaksanaan tugas;
2. mengenalpasti keperluan tenaga kerja, peralatan dan logistik;
3. menyediakan dan memantau bajet;
4. menyelaraskan kerjasama antara jabatan sokongan dan pasukan lain;
5. menganalisis kemajuan keseluruhan dan produktiviti;
6. memantau perbelanjaan pada setiap masa;
7. mengawal penggunaan wang pajar dan pembayaran balik;
8. menilai keperluan latihan dan menyelaraskan program latihan apabila perlu;
9. menyediakann melaporan kepada pihak pengurusan secara berkala;
10. menghadiri mesyuarat dengan jabatan sokongan dan pelanggan apabila perlu;
11. berkomunikasi dengan baik dengan entiti yang terlibat dengan tugas;
12. memasarkan produk dan mendapatkan kontrak baru.

13. menyediakan hala tuju kerja dan bimbingan teknikal bagi aktiviti pengawalan pencemaran sungai;
14. menyelia penyediaan dokumen dan laporan pencemaran yang dikehendaki oleh pelanggan dan pihak berkuasa kerajaan;
15. menyediakan kepakaran kejuruteraan teknikal kepada bahagian yang berkaitan untuk membaikpulih peralatan sedia ada, penyediaan spesifikasi dan pembelian peralatan baru;
16. mengaplikasikan prinsip-prinsip dan kaedah kejuruteraan dan saintifik; dan
17. menyelia dan menyelaras aktiviti-aktiviti pekerja bawahan.

Nota:

*Jawatan Kerja Kritikal